

5 FEB 1996

Mahathir-Al-Quran

DR MAHATHIR NASIHATI UMAT RUJUK AL-QURAN UNTUK ATASI KEKELIRUAN

JITRA, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati umat Islam supaya merujuk kepada Al-Quran dan Hadis sebagai panduan apabila menghadapi sebarang kekeliruan.

Katanya, ajaran yang terkandung di dalam kitab suci itu serta petunjuk daripada Hadis dapat menjelaskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan umat Islam, yang sekiranya tidak ditangani dengan betul boleh menimbulkan pelbagai masalah.

"Memandangkan terdapat pelbagai kekeliruan yang dihadapi sekarang, saya merujuk kepada Al-Quran dan Hadis sebagai panduan," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Aqla, di sini.

Dr Mahathir berkata isi kandungan Al-Quran, sekiranya dirujuk dengan teliti, mengandungi penyelesaian kepada pelbagai permasalahan.

Katanya, untuk memahami kandungan Al-Quran dan Hadis kini tidak sukar lagi kerana sudah ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris, yang diusahakan oleh cendekiawan Islam.

Beliau berkata: "Mungkin ada orang akan berkata apa yang saya tahu tentang agama dan Al-Quran. Kalau pasal cucuk dan ubat penisilin, saya tahulah."

"Tetapi saya merujuk kepada Al-Quran melalui perisian komputer yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris," katanya.

Sebagai menguatkan penjelasannya itu, Dr Mahathir membawa bersamanya nota buku komputer miliknya yang mempunyai perisian Al-Quran yang lengkap dan mempelawa orang ramai untuk melihat sendiri kandungan perisian itu.

Malahan, beliau sendiri menunjukkan bagaimana untuk menggunakan perisian kepada orang ramai selepas habis berucap.

Dr Mahathir berkata bahawa agama Islam tidak mengajar umatnya berlaku zalim dan menimbul huru hara, tetapi sebaliknya ia menuntut kedamaian, keamanan dan nilai-nilai hidup bermasyarakat.

Katanya, dalam Al-Quran disuruh umat Islam berbaik-baik sesama saudaranya dan orang bukan Islam kecuali mereka yang bermusuhan dengan umat Islam.

Beliau berkata, rakyat negara ini patut bersyukur kerana dapat hidup aman damai tanpa sebarang perbalahan walaupun mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Katanya, kehadiran beberapa orang bukan Islam pada majlis tersebut dapat memberi sedikit sebanyak pengajaran kepada mereka tentang nilai-nilai agama Islam dan ciri-ciri murni yang dituntut oleh agama ini daripada penganutnya.

"Aliran semasa yang mana hotel dan restoran besar mengadakan pakej berbuka puasa turut disertai rakyat bukan Islam dan ini mengeratkan hubungan masyarakat, dan sekaligus melenyapkan syak wasangka tentang apa yang dilakukan oleh umat Islam ketika berbuka puasa," tambahnya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam tidak memaksa orang lain untuk memeluk agama mereka tetapi sekadar mahu mereka memahami budaya hidup dan konsep sebenar Islam itu sendiri.

Yang turut hadir pada majlis itu yang disusuli solat Maghrib berjemaah ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff. -- BERNAMA.

BD MFJ OBA.